

# UMS anjur Kongres Antarabangsa Antropologi Fisiologi

UB 13.09.2023 P.06

**KOTA KINABALU:** Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Kongres Antarabangsa Fisiologi baru-baru ini.

Ia sebagai lensa unik untuk memahami isu berkaitan penyakit berjangkit.

Pengerusi Kongres Antropologi Fisiologi, Profesor Dr. Kamaruddin Ahmed, berkata penganjuran kongres adalah satu penghormatan kepada UMS kerana berpeluang menjadi tuan rumah selepas tujuh tahun.

“Kongres kali ini mengangkat tema persekitaran dan kesihatan manusia memfokuskan kepada pen-

yakit berjangkit terhadap kesihatan manusia, struktur sosial dan ekonomi.

“Di samping itu, kongres ini menyoroti kepentingan aktiviti antropologi dalam mempengaruhi penyakit berjangkit, terutama penyakit berjangkit yang muncul,” katanya.

Kamaruddin juga berkata ilmu antropologi fisiologi adalah medium terbaik menerangkan hubungan asas antara proses fisiologi, faktor budaya, persekitaran dan evolusi yang telah membentuk spesies manusia.


“Penerokaan kolektif dalam kongres ini bukan sahaja meningkatkan lagi pemahaman tentang masa lalu manusia tetapi juga

merupakan harapan dalam mempengaruhi masa depan kita.

“Justeru itu, syabas diucapkan kepada semua peserta, jawatankuasa penganjur, dan penaja atas sumbangan bagi merealisasikan acara ini,” katanya.

Seramai 104 peserta termasuk beberapa peserta antarabangsa terlibat dalam kongres dua hari itu, antaranya peserta dari United Kingdom (UK), Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun, China dan Singapura.

Perasmian program diempunkan oleh Presiden Persatuan Antarabangsa Antropologi Fisiologi, Prof. Dr. Barry Bogin.



**RASMI:** Barry merasmikan Kongres Antarabangsa Antropologi Fisiologi.